

07/08/2004

`Sebelum orang tolak, baik saya berundur'

By Khairull Azleyana Ishak

MEMEGANG prinsip Tun Dr Mahathir Muhamad, yang berbunyi beliau akan berundur sebelum orang lain menolak kehadirannya, Erra Fazira, Ratu Layar Perak negara yakin pengundurannya pada saat kemuncak popularitinya adalah satu langkah bijak dan tepat pada masanya.

Tambah bekas Ratu Cantik negara ini, dia juga berharap pengundurannya itu dapat memberikan ruang kepada pelapis baru untuk mencuba nasib mereka dalam bidang seni lakon sekali gus mewarnai lagi industri filem tempatan.

"Erra sudah terlalu lama muncul di layar perak. Rasanya sudah tiba masa untuk memberi laluan kepada pendatang baru mencuba nasib mereka dalam dunia lakonan yang serba mencabar ini.

"Bagi Erra pengunduran ini bukan bermaksud Erra nak cuci tangan. Erra akan sentiasa memberi sokongan dan terus berlakon tetapi mungkin bukan pada watak utama," ujar Erra yang kini sering diberikan watak sampingan atau pembantu.

"Saya kena jadi realistik pada kenyataan kehidupan. Sebelum orang tolak biarlah saya berundur dulu. Memang saya berbesar hati menerima watak dalam Sembilu 2005 dan Lady Boss.

"Dalam Lady Boss, peranan saya hanya sebagai watak sampingan tetapi secara peribadi Ning Baizura memang sesuai membawakan watak itu walaupun sebelum ini watak itu pernah ditawarkan kepada saya.

"Erra pun nak berehat. Sudah tiba masanya untuk Erra menumpukan sepenuh perhatian kepada suami dan keluarga.

"Rasanya ini juga adalah antara sumbangan Erra untuk industri kita. Berhenti tiada dalam kamus hidup Erra kerana ia adalah periuk nasi Erra. Biarlah Erra ambil satu langkah ke bawah asalkan kehidupan Erra dapat terus diperjuangkan," katanya yang menyifatkan gelaran primadona adalah gelaran yang diberikan kepadanya.

"Erra nak lanjutkan pelajaran dan apabila balik nanti Erra nak lebih aktif di belakang tabir. Semua orang perlu ada peningkatan dalam kerjayanya dan bagi Erra ini adalah usaha Erra untuk memperbaiki diri dan mengembangkan bakat yang ada dalam diri Erra," kata Erra yang bersyukur kerana mendapat sokongan padu suaminya Yusry KRU.

Erra yang hadir ke Tayangan Istimewa `Hingga Hujung Nyawa' dan Sesi Bertemu Bintang filem itu bersama deejay red104.9 di GSC, Mid Valley Megamall baru-baru ini meluahkan rasa gembiranya kerana filem itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peminatnya.

(END)